

Bab 5

Dari BNBC Ke Negeri-negeri Selat 1907-1941

5.0 Pengenalan

Pertelingkahan antara syarikat perlombongan arang batu dengan BNBC mengenai isu pentadbiran Labuan telah menyebabkan pentadbirannya dipindahkan ke Negeri-negeri Selat.¹ London bersetuju setelah mengambil kira kedudukan Labuan sebagai stesyen arang batu dan stesyen telegraf di Borneo yang merupakan unsur penting dalam militari. Keputusan tersebut dicapai ketika Labuan berada dalam proses transisi pemerintahan secara langsung dari London pada tahun 1906 setelah diambil kembali daripada pentadbiran BNBC.

Melalui Surat Kurnia (*Letter Patern*) yang dikeluarkan pada akhir tahun 1906, provisi dilaksanakan bagi tujuan menyatukan Koloni Labuan sebagai sebahagian daripada Negeri-negeri Selat. Cadangan tersebut diutarakan oleh Gabenor Singapura yang juga merupakan Gabenor Labuan pada masa yang sama dan akhirnya dikuatkuasakan pada 1 Januari, 1907.² Pemakaian provisi tersebut menjadikan Labuan sebagai sebahagian daripada wilayah pentadbiran Singapura³ tetapi pengurusan kewangan dijalankan secara berasingan dari tahun 1907-1912.

Pada 1 Disember, 1912 melalui Ordinan Labuan 1911, Labuan diangkat menjadi sebuah koloni yang tersendiri dalam Negeri-negeri Selat. Pada masa yang sama sebuah Lembaga Luar Bandar ditubuhkan untuk mengawal hal ehwal berkaitan dengan pentadbiran dan pembangunan Labuan.⁴ Lembaga ini bertanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan hal-ehwal pentadbiran dan

pengurusan kewangan koloni. Labuan terus kekal sebagai salah sebuah entiti dalam Negeri-negeri Selat sehingga tahun 1946.

5.1 Populasi

Berdasarkan jadual 5.1 selepas Labuan diserapkan ke dalam pentadbiran Singapura pada tahun 1907 berlaku peningkatan penduduk sebanyak 41.8% atau pertambahan sebanyak 2,392 orang berbanding dengan tahun 1890.

Sepanjang tempoh 31 tahun berlaku peningkatan penduduk sebanyak 3.9%. Kemakmuran perdagangan dan pembangunan sosial yang lebih baik mempengaruhi penghijrahan penduduk luar ke Labuan. Banci tahun 1912-1920 berdasarkan kepada banci 1911. Dalam tahun 1911 berlaku kejatuhan sebanyak -20% disebabkan oleh penutupan lombong arang batu di Labuan. Berlaku kejatuhan yang berterusan di Labuan apabila banci dijalankan sekali lagi dalam tahun 1921 iaitu -10% tetapi meningkat kembali dalam tahun 1931 iaitu sebanyak 24%.

Banci dalam tahun 1920an adalah berdasarkan kepada banci tahun 1921. Kejatuhan dan peningkatan yang ketara berlaku dalam tempoh tersebut kerana perubahan sifat data yang dikumpul. Banci penduduk bagi tahun 1921 dan 1931 berasaskan kepada pertumbuhan semulajadi dan pertumbuhan sosial yang berlaku di Labuan.⁵ Kebanyakan penduduk terdiri daripada orang Melayu dan pribumi lain yang berasal dari Brunei dan orang Cina yang sebilangan besarnya melibatkan diri dalam perdagangan secara kecil-kecilan.

Jadual 5.1. Populasi Labuan 1907-1938

Tahun	Jumlah	(-/%)
1907	8,245	40.9%
1908	8,199	-0.6%
1909	8,231	0.4%
1910	8,199	-0.4%
1911	6,546	-20.2%
1912	6,546	0.0%
1913	6,546	0.0%
1914	6,546	0.0%
1915	6,546	0.0%
1916	6,546	0.0%
1917	6,546	0.0%
1918	6,546	0.0%
1919	6,546	0.0%
1920	6,546	0.0%
1921	5,909	-9.7%
1922	5,922	0.2%
1923	5,974	0.9%
1924	5,995	0.4%
1925	5,694	-5.0%
1926	5,641	-0.9%
1927	5,781	2.5%
1928	5,904	2.1%
1929	6,029	2.1%
1930	6,156	2.1%
1931	7,605	23.5%
1932	7,401	-2.7%
1933	7,405	0.1%
1934	7,497	1.2%
1935	7,552	0.7%
1936	7,807	3.4%
1937	8,111	3.9%
1938	8,567	5.6%

Sumber: disusun dari ARSS 1907; RBDSS 1908-1910, RLADRSS 1924, SSBB 1911-1923, 1925-1938

5.2 Perdagangan

Satu perubahan yang menarik dalam perdagangan Labuan apabila hasil pertanian mula memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi import dan eksportnya. Ketika Labuan berada di bawah pemerintahan Negeri-negeri Selat, terdapat dua bentuk rekod yang berasingan di buat oleh pihak pentadbiran mengenai perdagangan Labuan iaitu nilai import dan eksport Labuan dengan Empayar British (tidak termasuk Negeri-negeri Selat) dan negara-negara asing serta nilai import dan eksport perdagangan *inter-port* Labuan yakni perdagangan Labuan dengan Negeri-negeri Selat.

Namun begitu, Labuan hanya menjalankan perdagangan *inter-port* dengan Singapura sahaja. Bagi mendapat nilai sebenar perdagangan Labuan, kedua-dua bentuk perdagangan import-eksport ini telah dicampur sekali. Walau bagaimanapun, antara tahun 1928-1938 nilai import-eksport tidak melibatkan perdagangan *inter-port* kerana perubahan sifat data dalam rekod-rekod *Foreign Trade Malaya* yang tidak menyatakan nilai dagangan Labuan secara berasingan. Manakala dalam tahun 1939 dan 1941 tidak terdapat sebarang data yang boleh diperolehi.


Berdasarkan jadual 5.2, sepanjang tempoh 31 tahun (1907-1938) nilai tertinggi import dan eksport yang dicatat ialah \$3,983,331.00 (1925) dan \$4,415,245 (1925). Kejatuhan nilai import dalam tahun 1907 disebabkan oleh pengurangan dalam beras, jelutong, arang batu, tepung sagu, bahan makanan dan candu tetapi berlaku peningkatan dalam item jentera dan spirit. Manakala dalam

Jadual 5.2. Nilai Import Dan Eksport Labuan 1907-1938 (\$)

Tahun	Import	(-/+)	Eksport	(-/+)	Imbangan
1907	1,329,031.00		1,320,333.00		-8,698.00
1908	1,129,278.00	-15.0%	1,146,327.00	-13.2%	17,049.00
1909	1,330,247.00	17.8%	1,128,844.00	-1.5%	-201,403.00
1910	1,437,390.00	8.1%	1,217,132.00	7.8%	-220,258.00
1911	1,258,887.00	-12.4%	1,075,235.00	-11.7%	-183,652.00
1912	1,286,713.00	2.2%	1,147,341.00	6.7%	-139,372.00
1913	1,264,405.00	-1.7%	1,166,903.00	1.7%	-97,502.00
1914	1,065,869.00	-15.7%	846,005.00	-27.5%	-219,864.00
1915	1,364,408.00	28.0%	1,065,770.00	26.0%	-298,638.00
1916	1,457,037.00	6.8%	1,383,321.00	29.8%	-73,716.00
1917	1,517,468.00	4.1%	1,091,836.00	-21.1%	-425,632.00
1918	1,436,802.00	-5.3%	1,162,159.00	6.4%	-274,643.00
1919	2,110,246.00	46.9%	1,639,314.00	41.1%	-470,932.00
1920	2,408,866.00	14.2%	2,325,882.00	41.9%	-82,984.00
1921	1,487,152.00	-38.3%	1,985,341.00	-14.6%	498,189.00
1922	1,634,016.00	9.9%	1,649,624.00	-16.9%	15,608.00
1923	1,674,369.00	2.5%	2,280,677.00	38.3%	606,308.00
1924	3,343,904.00	99.7%	3,281,957.00	43.9%	-61,947.00
1925	3,983,331.00	19.1%	4,415,242.00	34.5%	431,911.00
1926	3,073,244.00	-22.8%	3,391,119.00	-23.2%	317,875.00
1927	2,471,184.00	-19.6%	2,926,216.00	-13.7%	455,032.00
1928	685,669.00	-72.3%	1,650,065.00	-43.6%	964,396.00
1929	656,086.00	-4.3%	1,715,148.00	3.9%	1,059,062.00
1930	356,765.00	-45.6%	1,019,178.00	-40.6%	662,413.00
1931	246,745.00	-30.8%	575,990.00	-43.5%	329,245.00
1932	221,016.00	-10.4%	425,484.00	-26.1%	204,468.00
1933	284,386.00	28.7%	396,905.00	-6.7%	112,519.00
1934	140,151.00	-50.7%	498,947.00	25.7%	358,796.00
1935	147,670.00	5.4%	466,280.00	-6.5%	318,610.00
1936	195,185.00	32.2%	475,081.00	1.9%	279,896.00
1937					
1938	210,467.00		474,236.00		263,769.00

Sumber: disusun dari FTM 1928-1938, RTADRSS 1910-1916, 1920-1927; SSBB 1908, 1917-1919

Graf 5.1. Nilai Import Dan Eksport Labuan 1907-1938 (\$)



Sumber: disusun dari FTM 1928-1938, RTADRSS 1910-1916, 1920-1927, SSBB 1908, 1917-1919

eksport pula berlaku pengurangan dalam beras dan jelutong.⁶

Secara umumnya, ketika Labuan berada di bawah pentadbiran Singapura dalam tahun 1907-1912 berlaku penyusutan dalam import dan eksport Labuan. Keadaan ini berlarutan sehingga ke tahun 1918 setelah enam tahun Labuan diangkat menjadi salah sebuah koloni dalam Negeri-negeri Selat. Peningkatan yang memberangsangkan berlaku dalam perdagangan Labuan dalam tahun 1919 tetapi menyusut kembali dua tahun kemudian kerana masalah kemelesetan ekonomi dunia. Perdagangan Labuan muncul semula kira-kira pertengahan tahun 1920an kesan daripada pemulihan sementara yang berlaku dalam pasaran ekonomi dunia tetapi kembali jatuh sekitar tahun 1930 akibat kemelesetan besar.

Pada awal tahun 1920an item-item yang utama dalam perdagangan Labuan adalah kopra, getah, padi, sagu dan tembakau. Penghasilan yang menggalakkan dalam pengeluaran kopra tempatan membolehkan ia dieskport keluar. Labuan terus berfungsi sebagai *clearing house* bagi perdagangan jelutong dari Brunei yang dieksporth ke Singapura.⁷ Dalam tahun 1924, kargo bagi getah dan jelutong yang dihantar dari Lawas dan Brunei ke Labuan bernilai hampir \$1,000,000. 1924 boleh dianggap sebagai tahun kemajuan dan kemakmuran kepada Labuan. Perdagangan meningkat dalam tahun tersebut dengan amat pesat sekali. Getah, beras, sagu, gula, rokok dan kopra serta jelutong terus menjadi item dagangan utama Labuan sehingga lewat tahun 1920an.⁸

Selepas berlaku tempoh kemakmuran pada lewat tahun 1920an kemelesetan yang berlaku pada awal tahun 1930an tidak begitu memeranjatkan. Perdagangan Labuan turut terjejas berikutan getah yang merupakan salah satu hasil dagangan yang penting di koloni mendapat kesan teruk ketika berlaku kemelesetan besar. Pasaran getah yang terikat kuat dengan industri automobil di Amerika Syarikat mengalami kejatuhan mengejut di pasaran saham di New York yang secara langsung memberi kesan kepada industri getah Asia Tenggara.

Berbanding dengan getah, kopra yang semakin penting dalam perdagangan Labuan kurang mengalami kesan akibat kemelesetan. Walau bagaimanapun kejatuhan dalam perdagangan kopra Labuan berkait secara langsung dengan tindakan pihak pentadbiran yang menebang sejumlah besar pokok-pokok kelapa di Pulau Kuraman dalam tahun 1925 bagi tujuan meningkatkan isyarat cahaya dari rumah api yang dibina di pulau tersebut. Kesan kejatuhan ini begitu ketara selepas dua tahun apabila berlaku penurunan dalam pengeluaran kopra pada tahun 1927 yang mencatatkan jumlah terendah berbanding beberapa tahun sebelumnya.⁹

Perkembangan ekonomi dunia dari pertengahan hingga lewat 1920an turut mempengaruhi imbangan dagangan Labuan. Dalam tempoh 31 tahun Labuan mengalami imbangan dagangan positif selama 17 tahun dengan nilai tertinggi dicatatkan pada 1929 iaitu \$1,059,062.00 dengan tidak mengambil kira nilai dagangan *inter-port* antara tahun 1928-1938. Peningkatan ini juga disebabkan peningkatan dalam kemudahan infrastruktur yang disediakan di kawasan

pelabuhan. Ia membolehkan pengendalian perdagangan di pelabuhan dijalankan dengan lebih cepat dan cekap.

5.2.1 Import

Perbincangan mengenai import mengikut kelas hanya melibatkan tahun 1908 hingga 1927 bagi perdagangan Labuan dengan Empayar British dan negara-negara asing serta perdagangan *inter-port*. Manakala dalam tahun 1934 dan 1938 hanya melibatkan perbincangan perdagangan mengikut kelas dengan Empayar British dan negara asing sahaja. Masalah ini timbul kerana perubahan sifat data yang wujud dalam jangkamasa ini. (Sila rujuk lampiran jadual 5.2 dan 5.3)

Merujuk kepada jadual 5.3, kelas A dan kelas B saling berganti mengikut keutamaan sebagai import utama Labuan. Manakala kelas C merosot ke tempat ketiga dan kelas D ke tangga ke empat. Perdagangan import Labuan dipengaruhi oleh keadaan ekonomi dunia dan juga kecenderungan rakan-rakan dagangan Labuan yang menjalankan perdagangan di Pulau Borneo untuk berurusan secara langsung dengan Singapura tanpa menghantar hasil dagangan ke pulau ini.

Sepanjang tempoh 19 tahun kelas B merupakan import utama Labuan kecuali dalam tahun 1908, 1910, 1912, 1922, 1923, 1926 dan 1927. Nilai kelas B jatuh dengan teruk dalam tahun 1934 dan 1938 iaitu mewakili hanya 0.7% dan 1.6% daripada jumlah keseluruhan import masing-masing. Nilai kelas B mewakili antara 22.61% hingga 59.21% daripada nilai keseluruhan perdagangan import Labuan. Nilai maksima yang pernah dicatat ialah dalam tahun 1925 iaitu

Jadual 5.3: Nilai Import Labuan Mengikut Kelas 1907-1938 (\$)

	1907	1908	1909	1910	1911	1912	1913	1914	1915	1916	1917	1918	1919
A. Makanan, Minuman, Nikotinik:-													
1. Tekstil	1,081,010.00	690,162.00	834,871.00	790,081.00	1,309,750.00	1,281,803.00	1,293,808.00	828,201.00	14	14	14	14	14
2. Logam	1,081,010.00	690,162.00	834,871.00	790,081.00	1,309,750.00	1,281,803.00	1,293,808.00	828,201.00	14	14	14	14	14
3. Lain-lain	1,107,846.00	603,810.00	584,208.00	702,091.00	1,338,917.00	1,814,130.00	798,820.00	717,287.00	14	14	14	14	14
Jumlah	1,108,507.00	604,888.00	584,488.00	702,501.00	1,433,178.00	1,828,822.00	804,789.00	731,317.00	14	14	14	14	14
B. Bahan Mentah:-													
1. Tekstil	861.00	778.00	280.00	410.00	98,387.00	14,482.00	7,989.00	14,030.00	14	14	14	14	14
2. Logam	1,107,846.00	603,810.00	584,208.00	702,091.00	1,338,917.00	1,814,130.00	798,820.00	717,287.00	14	14	14	14	14
3. Lain-lain	1,108,507.00	604,888.00	584,488.00	702,501.00	1,433,178.00	1,828,822.00	804,789.00	731,317.00	14	14	14	14	14
Jumlah	1,108,507.00	604,888.00	584,488.00	702,501.00	1,433,178.00	1,828,822.00	804,789.00	731,317.00	14	14	14	14	14
C. Barangan Siap dan Separa Siap:-													
1. Tekstil	148,174.00	134,088.00	146,336.00	113,159.00	359,880.00	608,481.00	589,816.00	350,421.00	14	14	14	14	14
2. Logam	10,827.00	11,860.00	10,228.00	14,884.00	37,834.00	111,781.00	108,328.00	4,353.00	14	14	14	14	14
3. Lain-lain	72,848.00	45,864.00	59,093.00	63,734.00	202,628.00	272,844.00	278,308.00	438,129.00	14	14	14	14	14
Jumlah	231,849.00	191,752.00	214,657.00	181,787.00	599,820.00	883,106.00	874,550.00	811,898.00	14	14	14	14	14
Jumlah Nilai Dagangan	2,401,368.00	1,488,552.00	1,834,018.00	1,874,369.00	3,342,748.00	3,983,331.00	3,073,244.00	2,471,184.00	885,889.00	885,889.00	358,785.00	248,746.00	221,016.00
D. Syiling dan Jongsong													
1. Tekstil	7,500.00	600.00			1,158.00	150.00	150.00						
2. Logam	7,500.00	600.00			1,158.00	150.00	150.00						
3. Lain-lain													
Jumlah	14,000.00	1,200.00			2,316.00	300.00	300.00						
Jumlah Besar	2,408,868.00	1,487,152.00	1,834,018.00	1,874,369.00	3,343,904.00	3,983,331.00	3,073,244.00	2,471,184.00	885,889.00	885,889.00	358,785.00	248,746.00	221,016.00

Sambungan


	1833	1834	1835	1836	1837	1838
A. Hewan, Makanan, Minuman, Narkotik:-						
Jumlah		72.505.00	td	td		133.871.00
		72.505.00				133.871.00
B. Bahan Mentah:-						
1. Tekstil		-	td	td		-
2. Logam		259.00	td	td		td
3. Lain-lain		23.080.00	td	td		34.484.00
Jumlah		24.239.00				34.484.00
C. Barang-baru Siap dan Segera Siap:-						
1. Tekstil		2.218.00	td	td		1.231.00
2. Logam		587.00	td	td		6.169.00
3. Lain-lain		40.802.00	td	td		35.832.00
Jumlah		43.407.00				42.332.00
Jumlah Nilai Dagangan	284.386.00	140.151.00	147.870.00	185.185.00		210.467.00
D. Syiling dan Jonglong						
Jumlah		-	-	-		-
Jumlah Besar	284.386.00	140.151.00	147.870.00	185.185.00		210.467.00

Sumber: data dari FTM 1825-1938, RTAORS 1910-1916, 1825-1927, SSBS 1906, 1917-1919

Nota:

1. Nilai Import Labuan Dengan Empayar British Dan Negara-negara Asing 1907-1938 + Nilai Import Perdagangan Antar-port Labuan 1907-1927.
2. 1825-1938, tidak termasuk nilai import perdagangan antar-port Labuan.
3. 1937, data tidak diperoleh

Graf 5.2. Nilai Import Labuan Mengikut Kelas 1907-1938 (\$)



Sumber: disusun dari FTM 1928-1938, RTADRSS 1910-1916, 1920-1927; SSBB 1908, 1917-1919

Nota:

1. Nilai Import Labuan Dengan Empayar British Dan Negara-negara Asing 1907-1938 + Nilai Import Perdagangan Inter-port Labuan 1907-1927.
2. 1928-1938, tidak termasuk nilai import perdagangan Inter-port Labuan.

sebanyak \$1,828,622.00. Manakala nilai paling minima dicatatkan pada tahun 1908 iaitu sebanyak \$255,372.00. Antara tahun 1908 dan 1925 nilai perdagangan kelas A meningkat sebanyak 7.2 kali ganda tetapi mengalami kemerosotan selepas tempoh tersebut.

Manakala kelas A menjadi import utama Labuan selama enam tahun ketika kelas B menduduki tangga kedua dalam senarai keutamaan nilai import Labuan. Kelas A menyumbangkan antara 29.31% hingga 51.09% antara tahun 1908-1927. Dalam tahun 1934 dan 1938 kelas A merupakan eksport utama Labuan dengan mewakili sebanyak 51.7% hingga 63.5% masing-masing. Antara tahun 1908 hingga 1927 nilai tertinggi yang pernah dibuat dalam kelas A ialah \$1,309,750.00 (1924) sementara nilai terendah berlaku dalam tahun 1914 (\$381,628.00). Nilai import kelas A mengalami kemerosotan dalam tempoh 10 tahun pertama Labuan di bawah Negeri-negeri Selat sekiranya dibandingkan dengan tahun 1906 iaitu pengucupan sebanyak dua kali ganda tetapi berlaku peningkatan dalam jumlah yang sama dalam dekad kedua ketika berada di bawah pemerintahan Negeri-negeri Selat.

Fenomena yang sama juga berlaku dalam kelas C apabila menunjukkan kemerosotan sebanyak 1.5 kali ganda dalam dekad pertamanya tetapi mengalami perkembangan sebanyak 4.6 kali ganda dalam dekad kedua ketika berada dalam Negeri-negeri Selat. Nilai maksima dan minima yang pernah dicatat dalam tahun 1926 (\$974,550.00) dan 1918 (\$160,909) masing-masing. Selaras dengan

kemerosotan perdagangan Labuan, nilai kelas D menjadi tidak begitu relevan dalam perdagangan Labuan terutama selepas tahun 1916.

5.2.2 Eksport

Seperti yang diterangkan dalam sub tajuk import, perkara yang sama juga timbul dalam usaha membincangkan nilai eksport keseluruhan Labuan mengikut kelas kerana berlaku perubahan sifat data. Berbanding dengan import, jumlah nilai eksport Labuan menunjukkan prestasi yang lebih baik ketika dalam jangkamasa ini. Eksport menunjukkan arah aliran yang lebih stabil berbanding dengan import dengan peningkatan yang agak ketara berlaku dalam tahun 1925. Berdasarkan jadual 5.4, arah aliran eksport hampir menyamai import Labuan . Kelas B mendominasi nilai eksport Labuan mengikut keutamaan. Seterusnya diikuti dengan kelas A dan kelas C serta kelas D. (Sila rujuk juga lampiran jadual 5.4 dan 5.5)

Sepanjang 19 tahun (1908-1927), kelas B merupakan penyumbang utama kepada eksport Labuan. Nilai kelas B mewakili antara 31.74% hingga 60.77% tetapi mengalami kejatuhan teruk dari segi komposisi kelas dalam tahun 1934 (0.7%) dan 1938 (1.6%) bagi nilai keseluruhan eksport Labuan. Nilai maksima dan nilai minima yang terbesar yang pernah dihasilkan ialah \$2,387,712 (1925) dan \$463,930 (1914) masing-masing. Nilai kelas B menunjukkan perkembangan sebanyak 4.7 kali ganda dalam tempoh 19 tahun dan secara relatifnya adalah lebih baik berbanding ketika Labuan berada di bawah pentadbiran BNBC.

Jadual 5.4. Nilai Eksport Labuan Mengikut Kelas 1907-1938 (\$)

	1907	1908	1909	1910	1911	1912	1913	1914	1915	1916	1917	1918	1919
A. Haiwan, Makanan, Minuman, Nektarik~													
Jumlah	409,844.00	380,810.00	374,242.00	374,242.00	437,240.00	514,598.00	396,408.00	290,883.00	365,241.00	398,509.00	339,024.00	487,816.00	599,397.00
1. Tekstil													
2. Logam													
3. Lain-lain													
Jumlah	507,790.00	549,334.00	719,760.00	720,104.00	509,722.00	485,102.00	535,901.00	463,930.00	568,898.00	830,770.00	653,912.00	568,106.00	813,837.00
B. Bahan Mentah~													
1. Tekstil													
2. Logam													
3. Lain-lain													
Jumlah	507,891.00	549,573.00	720,104.00	720,104.00	509,722.00	485,231.00	535,901.00	463,930.00	568,898.00	830,770.00	653,912.00	568,106.00	813,837.00
C. Barangan Siap dan Separa Siap~													
1. Tekstil													
2. Logam													
3. Lain-lain													
Jumlah	138,829.00	107,816.00	86,896.00	86,896.00	89,538.00	124,478.00	224,218.00	82,862.00	108,931.00	154,048.00	89,292.00	131,121.00	224,799.00
Jumlah Nilai Dagangan	1,254,542.00	1,053,424.00	1,038,299.00	1,180,342.00	1,046,487.00	1,124,358.00	1,159,523.00	837,485.00	1,040,770.00	1,383,321.00	1,091,838.00	1,162,159.00	1,839,314.00
D. Syiling dan Janglong													
Jumlah	65,791.00	82,803.00	80,545.00	38,790.00	28,738.00	23,038.00	10,380.00	8,540.00	25,000.00				
Jumlah Besar	1,320,333.00	1,148,327.00	1,128,844.00	1,217,132.00	1,075,225.00	1,147,341.00	1,169,903.00	846,025.00	1,065,770.00	1,383,321.00	1,091,838.00	1,162,159.00	1,839,314.00
A. Haiwan, Makanan, Minuman, Nektarik~													
Jumlah	1,105,837.00	728,398.00	773,558.00	813,416.00	1,301,013.00	1,322,737.00	1,453,884.00	1,450,786.00	1,453,884.00	1,453,884.00	1,453,884.00	1,453,884.00	1,453,884.00
1. Tekstil													
2. Logam													
3. Lain-lain													
Jumlah	1,005,032.00	942,717.00	650,343.00	1,046,715.00	1,527,452.00	2,384,228.00	1,177,016.00	922,847.00	1,177,016.00	1,177,016.00	1,177,016.00	1,177,016.00	1,177,016.00
B. Bahan Mentah~													
1. Tekstil													
2. Logam													
3. Lain-lain													
Jumlah	1,005,032.00	942,717.00	650,343.00	1,046,715.00	1,527,452.00	2,384,228.00	1,177,016.00	922,847.00	1,177,016.00	1,177,016.00	1,177,016.00	1,177,016.00	1,177,016.00
C. Barangan Siap dan Separa Siap~													
1. Tekstil													
2. Logam													
3. Lain-lain													
Jumlah	152,722.00	171,765.00	100,009.00	141,615.00	202,439.00	311,150.00	328,882.00	200,854.00	1,171,148.00	1,171,148.00	1,171,148.00	1,171,148.00	1,171,148.00
Jumlah Nilai Dagangan	2,325,862.00	1,866,341.00	1,649,824.00	2,280,877.00	3,281,957.00	4,415,242.00	3,391,119.00	2,828,216.00	1,850,085.00	1,715,148.00	1,019,178.00	575,980.00	425,484.00
D. Syiling dan Janglong													
Jumlah	65,791.00	82,803.00	80,545.00	38,790.00	28,738.00	23,038.00	10,380.00	8,540.00	25,000.00				
Jumlah Besar	2,325,862.00	1,965,341.00	1,649,824.00	2,280,877.00	3,281,957.00	4,415,242.00	3,391,119.00	2,828,216.00	1,850,085.00	1,715,148.00	1,019,178.00	575,980.00	425,484.00

Sambungan

	1933	1934	1935	1936	1937	1938
A. <i>Hewan, Makanan, Minuman, Nakhrah.</i>						
Jumlah	310.160.00	310.160.00	td	td		308.597.00
						308.597.00
B. <i>Bahan Mentah.</i>						
1. Tekstil	-	-	td	td		565.00
2. Logam	3.377.00	td	td	td		7.274.00
3. Lain-lain	3.377.00					7.629.00
Jumlah						
C. <i>Barangan Siap dan Sapara Siap.</i>						
1. Tekstil	59.019.00	td	td	td		90.062.00
2. Logam	128.381.00	td	td	td		120.00
3. Lain-lain	185.410.00					107.838.00
Jumlah						188.010.00
Jumlah Nilai Dagangan	398.805.00	498.847.00	498.280.00	475.081.00		474.238.00
D. <i>Syiling dan Janghong</i>						
Jumlah						
Jumlah Besar	398.805.00	498.847.00	498.280.00	475.081.00		474.238.00


Sumber: *daurul FTM 1928-1938, RTADORS 1910-1916, 1920-1927, SSBS 1908, 1917-1919*

Note: 1. Nilai Eksport Labuan Dengan Empayar British Dan Negara-negara Aung 1907-1938 + Nilai Eksport Perdagangan Inter-port Labuan 1907-1927.

2. 1928-1938, tidak termasuk nilai eksport perdagangan inter-port Labuan.

3. 1937, data tidak diperoleh

Graf 5.3. Nilai Eksport Labuan Mengikut Kelas 1907-1938 (\$)



Sumber: disusun dari FTM 1928-1938, RTADRSS 1910-1916, 1920-1927, SSBB 1908, 1917-1919

Nota:

1. Nilai Eksport Labuan Dengan Empayar British Dan Negara-negara Asing 1907-1938 + Nilai Eksport Perdagangan Inter-port Labuan 1907-1927.
2. 1928-1938, tidak termasuk nilai eksport perdagangan inter-port Labuan.

Kelas A menunjukkan kemerosotan dari segi nilai sumbangan eksportnya. Kelas A mewakili antara 28.81% hingga 49.58% daripada nilai keseluruhan eksport antara tahun 1908-1927 tetapi melonjak kepada 62.25% (1934) dan 65.1% (1938). Kelas A hanya mengatasi kelas B selama empat tahun dalam tempoh 19 tahun iaitu pada 1920, 1922, 1926 dan 1927. Nilai terbesar yang pernah dicatat ialah \$1,463,884.00 (1926). Manakala nilai terendah dicatat pada tahun 1917 (\$339,024.00). Dari tahun 1908-1927 berlaku perkembangan sebanyak 2.5 kali ganda.

Nilai eksport kelas C menunjukkan arah aliran yang sama seperti enam tahun pertama abad ke 20. Nilai eksport kelas C berada di tahap yang ketiga dengan peningkatan berlaku sebanyak 3.9 kali ganda. Nilai tertinggi dan terendah yang pernah dicatat oleh kelas C berlaku dalam tahun 1926 (\$721,769.00) dan 1914 (\$82,852.00) masing-masing. Secara amnya, nilai eksport kelas C dalam jangkamasa ini menunjukkan tingkat turun-naik yang stabil dan dipengaruhi secara keseluruhannya oleh eksport tekstil.

Arang batu terus memainkan peranan penting dalam eksport Labuan. Peningkatan sebanyak 27% (1907) berlaku dalam pengeksportan arang batu dari lombong arang batu koloni berbanding dengan tahun 1906. Buat pertama kalinya dalam tempoh beberapa tahun eksport kargo sebanyak 7,600 tan dihantar terus ke Hong Kong, Saigon, dan Manila.¹⁰ Dalam tahun 1908 berlaku peningkatan sebanyak 4% pengeluaran arang batu iaitu sebanyak 33,458 tan berbanding tahun sebelumnya dengan Labuan terus mengimport arang batu dari Muara untuk tujuan

pengesksportan semula. Daripada jumlah keluaran tempatan dan dimport, sebanyak 31,373 tan dieksport dan 24,503 tan digunakan untuk kegiatan *bunkering*. Sebanyak empat buah kargo arang batu digunakan dalam tahun tersebut dengan dua ke Hong Kong, sebuah ke Saigon dan sebuah ke Swatow untuk tujuan pengesksportan.¹¹

Dalam tahun 1909, arang batu yang dieksport sebagai kargo meningkat sebanyak 20,578 tan dengan sebanyak 57,268 tanan kasar dijual dan kira-kira separuh daripadanya digunakan untuk *bunkering*. Berlaku permintaan yang stabil untuk arang batu dalam tahun 1909 dengan 15 kargo dieksport. Sebanyak 61,855 tan (1909) berbanding 33458 tan (1908) dikeluarkan dari lombong. Labuan Coalfields Company Limited turut menggunakan pelbagai jenis pengangkutan seperti kapal layar dan *native crafts*, keretapi dan jalanraya yang membolehkan arang batu diangkut dengan kadar 140 tan sejam.¹²

Peningkatan yang menggalakkan terus berlaku bagi arang batu Labuan dengan jumlah 30 kargo dieskport yang melibatkan 47,734 tan. Jumlah keseluruhan arang batu yang dieskport sebagai kargo dan dijual kepada *bunker* ialah 92,223 tan atau hampir 35,000 tan melebihi jumlah sebelumnya. Peningkatan ini dipengaruhi oleh tahap pengeluaran yang lebih tinggi yang dihasilkan oleh Labuan Coalfields Company Limited iaitu 86,689 tan berbanding sebanyak 61,855 tan pada tahun 1909.¹³

Pada 9 Mac, 1911 lombong arang batu di Coal Point ditutup menyebabkan 13 orang Eropah dan 800 orang Cina kehilangan kerja. Penutupan lombong arang

batu yang diusahakan oleh Labuan Coalfields Company Limited memberi kesan teruk kepada kemakmuran Labuan. Hanya 740 tan dieksport dalam tahun tersebut sebagai kargo arang batu. Manakala 17,748 tan dieksport sebagai kargo dan untuk tujuan *bunkering* iaitu berkurangan sebanyak 74,475 tan berbanding dengan tahun sebelumnya.¹⁴

Dalam tahun 1916 kerajaan membeli tanah seluas 10 batu persegi dari Labuan Coalfields Company, Ltd. melalui pembentukan anak syarikat¹⁵ yang dikenali sebagai Labuan Exploration Company yang ditubuhkan di London dengan tujuan mencarigali mineral di Labuan.¹⁶ Namun begitu, tindakan tersebut tidak menunjukkan sebarang kemajuan dalam usaha menghidupkan kembali lombong arang batu. Bagi memenuhi permintaan sektor perkapalan, Labuan mengimport arang batu dari Muara yang dikuasai oleh kerajaan Sarawak. Sebanyak 11,692 tan arang batu dieksport semula dalam bentuk kargo dan *bunker* pada tahun 1912.¹⁷

Ketika getah mengalami kejatuhan harga yang teruk, ramai pekebun kecil getah beralih kepada penanaman sayur-sayuran di Labuan disebabkan permintaan yang stabil dan semakin meningkat terutama di Miri.¹⁸ Kebanyakan hasil pertanian seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan dieksport kerana permintaan dan penggunaan dalam negeri sangat kecil. Selepas penemuan medan minyak di Miri kebanyakan hasil pertanian tersebut yang diusahakan di Labuan dieksport ke Miri bagi menampung keperluan para pekerja yang ramai di kalangan orang Eropah, Cina dan lain-lain. Kebanyakan kegiatan pertanian dan

penternakan diusahakan oleh orang Cina dan Kedayan. Walau bagaimanapun, orang Cina biasanya lebih berjaya dalam usaha ini berbanding dengan suku Kedayan yang masih mengamalkan amalan tradisional pada masa tersebut.¹⁹


5.2.3 Rakan Dagangan

Labuan menjalinkan hubungan dengan 24 kawasan iaitu Singapura, Borneo Utara, Sarawak, Brunei, Australia, Hong Kong, United Kingdom, Itali, Perancis, Jerman, Belgium, Belanda, Amerika Syarikat, Filipina (termasuk Sulu), Hindia Timur Belanda, Indo-China, Jepun, Sweden, Burma, Ceylon, Mesir, Afrika Selatan, India, Siam dan Russia. Jumlah rakan dagangan ini menunjukkan berlakunya peningkatan dalam hubungan dagangan Labuan dengan kawasan-kawasan lain berbanding ketika berada di bawah pentadbiran BNBC yang meliputi semua benua kecuali Amerika Selatan. Negara-negara tersebut yang sebahagian besarnya hanya menjadi destinasi-destinasi kapal yang berlabuh dan berlepas di Pelabuhan Labuan ketika Labuan ditadbir oleh BNBC akhirnya turut menjadi rakan dagangan pulau ini.


Berdasarkan lampiran jadual 5.7 dan 5.8 Singapura kembali menguasai perdagangan Labuan dan diikuti dengan Brunei, Borneo Utara dan Sarawak. Singapura terus mengungguli perdagangan Labuan dengan menguasai antara 43.9% hingga 100.0% dalam tahun 1907 hingga 1927. Secara umumnya, hampir dua dekad pertama dalam tempoh kajian bab ini, Brunei merupakan rakan dagangan kedua terpenting Labuan dan diikuti dengan Borneo Utara dan

Graf 5.4. Nilai Import Labuan Dengan Semua Rakan Dagangan 1909-1936 (\$)

A.



B.




Sumber: disusun dari FTM 1929-1936, RLADRSS 1919-1928, RTADRSS 1920-1927, SSBB 1909-1919


Nota

1. Terdapat perbezaan sebanyak \$2.00 (1911) antara nilai import Labuan mengikut kelas dengan nilai import Labuan dengan semua rakan dagangan.
Sila rujuk hal. T2, T12, T14-5 (SSBB 1911) untuk semakan terperinci.
2. Terdapat perbezaan sebanyak \$17,055.00 (1917) antara nilai import Labuan mengikut kelas dengan nilai import Labuan dengan semua rakan dagangan.
Sila rujuk hal. T2, T12, T14-5 (SSBB 1917) dan hal. App. F (RTADRSS 1917) untuk semakan terperinci.
3. Lain-lain: Burma, Ceylon, Mesir, Afrika Selatan, India.
4. 1928-1938, tidak termasuk nilai perdagangan *inter-port*.

Graf 5.5. Nilai Eksport Labuan Dengan Semua Rakan Dagangan 1909-1936 (\$)



B.



Sumber disusun dari FTM 1929-1936, RLADRSS 1919-1928, RTADRSS 1920-1927, SSBB 1908-1919

Nota

1 Terdapat perbezaan sebanyak \$1 00 (1911) antara nilai eksport Labuan mengikut kelas dengan nilai eksport Labuan dengan semua rakan dagangan

Sila rujuk hal. T3, T12, T16-7 (SSBB 1911) untuk semakan terperinci.

2 Lain-lain; Burma, Ceylon, Mesir, Afrika Selatan, India, Norway, Austria

3 1928-1938, tidak termasuk nilai perdagangan *inter-port*.

Sarawak. Menjelang suku terakhir 1920 Borneo Utara mula mengambil alih peranan Brunei dan diikuti dengan Sarawak dan Brunei. Perubahan sifat data menyebabkan nilai sebenar perdagangan Labuan dengan Singapura dalam tahun 1928-1938 tidak dapat ditentukan dengan jelas.

5.3 Perkapalan

Peningkatan terus berlaku dalam jumlah bilangan dan tanan kapal yang singgah di Pelabuhan Labuan. Dalam tempoh ini sektor perkapalan Labuan direkodkan dengan dua cara iaitu kapal wap dan kapal layar yang dicantumkan sekali dengan *native crafts*. (Sila rujuk lampiran jadual 5.9) Kapal layar dan *native crafts* seberat 75 tan bersih berdaftar digunakan oleh pedagang-pedagang yang menjalankan perdagangan pesisir ketika itu.²⁰ Selain daripada itu, jumlah keseluruhan bilangan dan tanan kapal ini juga mengambil kira kapal perang dan *yacht* 1907-1916. Bilangan kapal-kapal yang singgah di pelabuhan banyak dipengaruhi oleh kapal layar dan *native crafts* tetapi jumlah tanan kapal lebih banyak dipengaruhi oleh kapal-kapal wap.

Dalam tahun 1907 berlaku kejatuhan dalam bilangan dan tanan kapal berbanding tahun 1906 berikutan tindakan syarikat-syarikat perkapalan yang biasanya menjalankan kegiatan perdagangan mereka antara Borneo Utara dengan Labuan terus membuat pelayaran ke Singapura tanpa singgah di koloni.²¹ Berdasarkan jadual 5.5 bilangan kapal yang tertinggi dicatatkan dalam tahun 1908 iaitu 1,745 buah dan 1,749 buah bagi kapal yang berlabuh dan berlepas masing-

Jadual 5.5. Bilangan Dan Tanan Kapal Berlabuh Dan Berlepas Di Pelabuhan Labuan 1907-1938


Tahun	Berlabuh				Berlepas			
	Kapal	(-/+)	Tan	(-/+)	Kapal	(-/+)	Tan	(-/+)
1907	td.		td.		td.		td.	
1908	1,745		183,161		162,890		1,749	193,852
1909	1,229	-30%	198,366	8.3%	185,288	13.8%	1,229	-29.7%
1910	1,443	17%	315,252	58.9%	308,472	66.5%	1,443	17.4%
1911	1,763	22%	212,430	-32.6%	186,804	-39.4%	1,717	19.0%
1912	2,174	23%	145,333	-31.6%	133,831	-28.4%	2,174	26.6%
1913	1,932	-11%	278,670	91.7%	261,342	95.3%	1,932	-11.1%
1914	1,347	-30%	243,509	-12.6%	224,210	-14.2%	1,347	-30.3%
1915	1,536	14%	225,085	-7.6%	200,746	-10.5%	1,535	14.0%
1916	1,350	-12%	218,061	-3.1%	198,114	-1.3%	1,355	-11.7%
1917	1,116	-17%	161,971	-25.7%	144,462	-27.1%	1,116	-17.6%
1918	1,051	-6%	126,055	-22.2%	111,092	-23.1%	1,051	-5.8%
1919	1,052	0%	130,577	3.6%	111,682	0.5%	1,052	0.1%
1920	1,110	6%	89,084	-31.8%	67,436	-39.6%	1,110	5.5%
1921	123	-89%	76,718	-13.9%	76,718	13.8%	123	-88.9%
1922	120	-2%	71,299	-7.1%	71,299	-7.1%	120	-2.4%
1923	111	-8%	71,668	0.5%	71,668	0.5%	111	-7.5%
1924	128	15%	89,150	24.4%	89,150	24.4%	128	15.3%
1925	159	24%	110,474	23.9%	110,474	23.9%	159	24.2%
1926	1,594	903%	141,561	28.1%	128,654	16.5%	1,594	902.5%
1927	1,602	1%	129,579	-8.5%	116,453	-9.5%	1,602	0.5%
1928	1,485	-7%	118,289	-8.7%	107,837	-7.4%	1,485	-7.3%
1929	1,454	-2%	124,387	5.2%	115,000	6.6%	1,454	-2.1%
1930	1,550	7%	137,883	10.9%	123,249	7.2%	1,529	5.2%
1931	1,579	2%	128,635	-6.7%	115,726	-6.1%	1,566	2.4%
1932	1,608	2%	132,278	2.8%	117,295	1.4%	1,593	1.7%
1933	1,535	-5%	132,196	-0.1%	117,558	0.2%	1,515	-4.9%
1934	1,650	7%	132,961	0.6%	119,119	1.3%	1,638	8.1%
1935	1,641	-1%	137,306	3.3%	121,133	1.7%	1,626	-0.7%
1936	1,560	-5%	136,333	-0.7%	118,229	-2.4%	1,537	-5.6%
1937	1,601	3%	139,571	2.4%	118,703	0.4%	1,591	3.5%
1938	1,421	-11%	134,658	-3.5%	114,855	-3.2%	1,422	-10.6%

Sumber: disusun dari SSBB 1907-1938

Nota:

1. Termasuk *native crafts* / kapal layar serta kapal perang.
2. 1913-1919, termasuk kapal yang berlabuh dan berlepas di Pulau Christmas.

Graf 5.6. Bilangan Dan Tanan Kapal Berlabuh Dan Berlepas Di Pelabuhan Labuan 1907-1938



Sumber disusun dari SSBB 1007-1938

Nota:

1. Termasuk *native crafts* / kapal layar serta kapal perang.
2. 1913-1919, termasuk kapal yang berlabuh dan berlepas di Pulau Christmas.

masing. Penutupan lombong arang batu dalam tahun 1911 juga menyebabkan berkurangnya bilangan kapal yang singgah untuk tujuan *bunkering* di Pelabuhan Labuan.²²

Peningkatan peratusan terbesar berlaku dalam tahun 1930 (60%) dan 1925 (24%) serta 1923 (15%). Peningkatan yang berlaku dalam tahun 1913 hingga 1919 kerana rekod kapal-kapal yang keluar-masuk telah dicantumkan dengan Pulau Christmas yang menyebabkan sukar ditentukan secara tepat jumlah sebenar bilangan kapal yang singgah di Pelabuhan Labuan. Dengan tidak mengambil kira tahun 1913 hingga 1919, kejatuhan agak ketara berlaku dalam tahun 1913 iaitu (-41%) dan 1937 (-13%). Sementara itu, kejatuhan ketara dalam tahun 1921 hingga 1922 kerana tidak terdapat catatan bagi kapal layar dan *native crafts* dibuat oleh pihak pentadbiran.

Perbincangan mengenai kapal-kapal dengan kargo dan dalam ballast hanya mengambil kira kapal-kapal wap kerana tidak terdapat pecahan dibuat bagi kategori ini bagi kapal-kapal layar dan *native crafts*. Dalam jangkamasa 1909 hingga 1920, andaian dibuat iaitu semua kapal yang berlabuh dan berlepas adalah dengan kargo. Andaian dibuat kerana tidak terdapat sebarang catitan dalam rekod dibuat bagi tempoh berkenaan. Jumlah kapal dan tanan berlandaskan kepada jumlah kapal wap yang singgah di pelabuhan pada ketika itu.

Merujuk kepada jadual 5.6, seperti sebelumnya, kebanyakan kapal-kapal yang berlabuh dan berlepas membawa muatan kargo yang mewakili 94.7% hingga 100% kecuali dalam tahun 1921 (86.2%), daripada jumlah keseluruhan

Jadual 5.6. Bilangan Dan Tanan Kapal Dengan Kargo Dan Dalam Ballast Yang Berubah Dan Berlepas di Pelabuhan Labuan 1907-1938


Tahun	Berubah						Berlepas					
	Dengan Kargo			Dalam Ballast			Dengan Kargo			Dalam Ballast		
	Kapal	%	Tan	Kapal	%	Tan	Kapal	%	Tan	Kapal	%	Tan
1907	143	100%	145,704	-	-	-	143	100%	145,704	100%	-	-
1908	139	100%	164,026	-	-	-	139	100%	164,026	100%	-	-
1909	209	100%	282,742	-	-	-	209	100%	282,742	100%	-	-
1910	143	100%	136,884	-	-	-	143	100%	136,884	100%	-	-
1911	140	100%	126,411	-	-	-	140	100%	126,411	100%	-	-
1912	219	100%	293,146	-	-	-	219	100%	293,146	100%	-	-
1913	201	100%	263,208	-	-	-	201	100%	263,208	100%	-	-
1914	327	100%	422,373	-	-	-	327	100%	422,373	100%	-	-
1915	326	100%	418,614	-	-	-	326	100%	418,614	100%	-	-
1916	163	100%	144,462	-	-	-	163	100%	144,462	100%	-	-
1917	148	100%	111,062	-	-	-	148	100%	111,062	100%	-	-
1918	125	100%	87,436	-	-	-	125	100%	87,436	100%	-	-
1919	106	88.2%	69,483	80.5%	17	13.8%	123	100%	78,718	100%	-	-
1920	114	85.0%	69,719	87.8%	6	5.0%	120	100%	71,289	100%	-	-
1921	111	100%	71,868	100%	-	-	111	100%	71,868	100%	-	-
1922	128	100%	89,150	100%	-	-	128	100%	89,150	100%	-	-
1923	158	98.4%	109,537	98.2%	1	0.6%	158	98.4%	109,537	98.2%	1	0.6%
1924	153	98.7%	127,269	98.9%	2	1.3%	155	100%	128,854	100%	-	-
1925	154	100%	118,453	100%	-	-	154	100%	118,453	100%	-	-
1926	142	100.0%	107,837	100.0%	-	-	142	100.0%	107,837	100.0%	-	-
1927	143	100.0%	115,000	100.0%	-	-	143	100.0%	115,000	100.0%	-	-
1928	225	98.3%	123,045	99.8%	4	1.7%	229	100.0%	123,249	100.0%	2	0.9%
1929	134	99.3%	115,553	99.5%	1	0.7%	135	100.0%	115,729	100.0%	2	1.5%
1930	136	97.8%	118,383	99.2%	3	2.2%	139	100.0%	117,286	100.0%	3	2.2%
1931	134	97.8%	117,195	99.7%	3	2.2%	137	100.0%	117,568	100.0%	3	2.2%
1932	140	95.2%	118,042	99.1%	7	4.8%	147	100.0%	119,118	100.0%	7	4.8%
1933	137	95.8%	119,577	98.7%	6	4.2%	143	100.0%	121,133	100.0%	6	4.2%
1934	128	97.7%	117,778	100%	3	2.3%	131	100.0%	118,729	100.0%	3	2.3%
1935	108	84.7%	114,364	98.3%	8	5.3%	114	100.0%	118,703	100.0%	8	5.3%
1936	108	87.1%	113,438	98.8%	16	12.6%	124	100.0%	114,855	100.0%	16	12.6%

Sumber: disusun dari SSBB 1907-1938

Nota:

1. Tidak termasuk relative craft/Kapal Layar dan kapal perang.
2. 1908-1920: dengan andapan semua kapal yang berlabuh dan berlepas dengan kargo.
3. 1913-1918: termasuk bilangan dan jumlah tanan kapal yang berlabuh dan berlepas di Pulau Christmas.

Graf 5.7. Bilangan Dan Tanan Kapal Dengan Kargo Dan Dalam Ballast Yang Berlabuh Dan Berlepas Di Pelabuhan Labuan 1907-1938



kapal yang singgah di Pelabuhan Labuan. Secara keseluruhannya fenomena yang sama juga berlaku iaitu kapal-kapal yang berlepas dengan kargo adalah lebih besar berbanding dengan bilangan kapal-kapal yang berlabuh ke pelabuhan. Bilangan terbanyak kapal yang singgah dengan kargo dicatat pada tahun 1930 (225 buah). Manakala tanan dengan kargo terberat dicatatkan dalam tahun 1910 iaitu 282,742 dengan tidak mengambil kira anggaran bagi 1913-1919 yang melibatkan jumlah bersama dengan Pulau Christmas. Dalam tempoh 31 tahun hanya sejumlah 75 buah dan 69 buah dalam ballast berbanding dengan kargo iaitu 4,942 buah dan 4,949 buah bagi jumlah kapal yang berlabuh dan berlepas di Pelabuhan Labuan masing-masing.

Dalam tahun pertama Labuan di bawah pentadbiran Singapura, berlaku penyusutan dalam jumlah kapal-kapal dari Borneo Utara yang singgah di Pelabuhan Labuan kerana mereka menjalankan perdagangan secara langsung dengan Singapura. Kejatuhan juga disebabkan syarikat perkapalan utama yang menjalankan perdagangan pesisir antara Labuan dan Borneo iaitu Norddeutscher Lloyd Company turut mengurangkan kegiatan mereka di Labuan.²³ Tindakan syarikat perkapalan Jerman ini berlarutan sehingga ke tahun 1914 dan turut menjejaskan perdagangan Labuan-Singapura.²⁴

Dalam tahun 1912, barang dagangan dari Limbang, Temburong dan sungai-sungai lain di Sarawak tidak lagi menggunakan Pelabuhan Labuan sebaliknya menghantar terus ke Singapura via Kuching.²⁵ Tidak terdapat sebarang data statistik mengenai destinasi kapal-kapal di Labuan dalam tahun 1907-

1920 dan 1930-1941. Perbincangan mengenai destinasi-destinasi kapal dalam bab ini hanya mengambil kira tempoh 1921-1929. Dalam jangkamasa tersebut Borneo Utara, Brunei, Singapura, Hindia Timur Belanda, Filipina, Sarawak, Belanda, Jepun, China, Indo-China, Hong Kong, Siam dan New Guinea merupakan destinasi-destinasi pilihan kapal-kapal yang berlabuh dan berlepas dari Labuan.

Secara umumnya, Borneo Utara merupakan destinasi utama kapal-kapal yang singgah di Labuan dan diikuti dengan Singapura. Kedua-duanya menguasai kira-kira 90% dalam jumlah destinasi-destinasi pilihan kapal-kapal di Pelabuhan Labuan. (Sila rujuk Jadual 5.7) Dalam tahun 1930, perdagangan transit antara Labuan dengan Brunei dan Sarawak yang melibatkan medan minyak digiatkan terutama dalam urusan perdagangan hasil pertanian. Pengeluaran tempatan dan ternakan dihantar melalui kapal wap yang mengambil masa tiga jam setengah ke Miri dan empat hari ke Singapura.²⁶

